



## PENGENALAN ALAM SEMULAJADI

**A**lam Semulajadi boleh diertikan sebagai alam ciptaan Tuhan yang meliputi aspek yang terdapat di sekeliling manusia yang wujud secara semulajadi. Alam semulajadi boleh dilihat sebagai semua komponen semulajadi di mana semua hidupan tinggal dan berinteraksi antara satu sama lain dalam keseimbangan.

Keseimbangan ekosistem telah terganggu akibat degradasi alam yang menimbulkan pelbagai isu alam sekitar seperti pemusnahan hutan, pencemaran kesan rumah kaca, hakisan kepupusan spesis dan lain lain. Isu-isu ini telah mendorong pihak pemimpin untuk bertindak secara bersama bagi memperbaiki kualiti alam sekitar. Salah satu tindakan yang telah dipersetujui adalah perancangan serta pelaksanaan satu program pendidikan yang berkesan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.





Salah satu perancangan jangka panjang yang diambil ialah mendidik masyarakat terutama pelajar supaya peka dan bertanggungjawab terhadap isu-isu alam sekitar melalui pendidikan alam semulajadi. Melalui program ini, pelajar dapat mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta sikap bertanggungjawab terhadap alam semulajadi secara pro-aktif dan berperanan.

### **Pengertian pendidikan alam semulajadi**

Pendidikan alam semulajadi ialah proses pendidikan tentang alam semulajadi untuk alam semulajadi dan melalui alam semulajadi. Pendidikan Alam semulajadi melibatkan interaksi manusia dengan alam semulajadi serta bagaimana manusia harus mengurus alam semulajadi secara bijak dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap alam semulajadi.

### **Matlamat Pendidikan alam Semulajadi**

Matlamat utama pendidikan alam semulajadi ialah membantu masyarakat sejagat menyedari dan memahami isu alam sekitar dan dapat menguasai kemahiran serta kesungguhan mengatasi serta mengekalkan kualiti alam sekitar. Kesimpulan ini telah dicapai oleh para peserta seminar latihan pendidikan Alam Sekitar yang dianjurkan oleh UNESCO pada tahun 1991 di Malta.

Maka pendekatan serta matlamat pendidikan alam semulajadi adalah untuk membantu para pelajar supaya lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar. Secara tidak langsung, para pelajar memperolehi pengetahuan, kemahiran dan boleh memupuk nilai-nilai murni dan tanggungjawab untuk berusaha serta bertindak secara individu atau berkumpulan menyelesaikan isu-isu alam sekitar.



## SIKAP-SIKAP DAN NILAI-NILAI YANG DIHARAP DAPAT DITERAPKAN KEPADA PELAJAR MELALUI PENDIDIKAN ALAM SEMULAJADI

### 1. Bertanggungjawab

- Pelajar bertanggungjawab untuk bersama-sama di dalam penjagaan alam semulajadi
- Memupuk generasi kita agar sentiasa prihatin dan bertanggungjawab di dalam pengurusan hutan dan menjaga alam sekitar dengan baik
- Tidak merosakkan papan kenyataan di dalam hutan, taman dan sebagainya



### 2. Bekerjasama

- Dapat memupuk semangat bekerjasama sesama sendiri dan seterusnya dapat menyelesaikan masalah alam semulajadi dan alam sekitar dengan jayanya
- Sikap bekerjasama seharusnya diserapkan di dalam diri pelajar agar mereka bersungguh-sungguh melakukan sesuatu kerja dengan teratur contohnya aktiviti gotong royong di kawasan perkhemahan di akhir program





### 3. Sikap Menghargai

- a) Memupuk sikap menghargai hutan hasil daripada khazanah yang unik di mana pelajar dapat menikmatinya dan seterusnya menyedari akan kepentingan alam semulajadi.
- b) Menghargai pemberian Tuhan yang memberikan kita peluang menikmati keindahan hutan yang hijau yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit.
- c) Menghargai hidupan di persekitaran kita.

### 4. Kasih Sayang

- a) Mencintai hutan dan tidak memusnahkannya dengan sewenang-wenangnya;
- b) Melindungi alam semulajadi;
- c) Menyayangi binatang, tumbuhan semulajadi;
- d) Memelihara hutan dan persekitaran untuk kesejahteraan hidup.

### 5. Menghormati

- a) Menghormati alam semulajadi yang terdapat di bumi ini;
- b) Menghormati rakan dan orang lain (dengan menepati masa yang ditetapkan)

### 6. Berani

- a) Sanggup dan sedia untuk melakukan sebarang aktiviti yang diberi
- b) Tabah menghadapi cabaran-cabaran yang datang



## STRATEGI PERLAKSANAAN

Perkaitan antara pengetahuan yang akan diberikan adalah berhubung rapat dengan kefahaman asas yang telah diberikan oleh beberapa agensi dan aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

### a) Pendidikan Sekolah (Kurikulum)

Para pelajar telah didedahkan tentang hutan hujan tanah pamah secara tidak langsung melalui mata pelajaran geografi, sains dan biologi. Antara matapelajaran yang didedahkan adalah pengenalan kepada jenis hutan ini, flora dan fauna dan sebagainya.

### b) Unit Bergerak Jabatan Pendidikan dan Alam Sekitar

Para pelajar telah mendapat pengetahuan dan kefahaman asas melalui usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan, Alam Sekitar dan agensi-agensi lain melalui paparan poster, risalah-risalah atau buku bumi hujan yang sering dibekalkan ke sekolah-sekolah tentang alam semulajadi.

### c) Ko-kurikulum di peringkat Jabatan Pendidikan atau Sekolah

Aktiviti-aktiviti berbentuk luaran melalui persatuan-persatuan atau kelab-kelab memberi pendedahan secara langsung mengenai alam semulajadi. Para pelajar yang mengikuti kelab-kelab atau persatuan-persatuan akan didedahkan aspek-aspek berkaitan hutan hujan tanah pamah, spesis-spesis dan masalah-masalahnya. Contoh persatuan atau kelab adalah seperti Kelab Pencinta Alam, Kelab Kembara, Kelab Sains dan Biologi.

### d) Media masa

Peranan meluas oleh media masa dalam bentuk bercetak atau melalui radio dan televisyen turut memberi sumbangan besar terhadap kefahaman dan pengetahuan asas terhadap hutan hujan tanah pamah. Pada peringkat ini, agensi-agensi seperti Alam Sekitar, Taman Sabah dan Jabatan Hidupan Liar sering menayangkan bahan-bahan berkaitan hutan hujan tanah pamah di televisyen dan majalah.

### e) Laman Web

Peranan internet menerusi laman web tentang alam semulajadi pastinya memberi pengetahuan kepada pelajar tentang hutan hujan tanah pamah. Pihak sekolah melalui



pertubuhan Pencinta Alam perlu didedahkan dan dimaklumkan terhadap wujudnya laman-laman web ini.

Dengan maklumat hutan hujan tanah pamah yang mudah diperolehi ini akan memberi satu lakaran globalisasi kepada semua masyarakat termasuklah para pelajar. Laman berkaitan alam semulajadi boleh dikunjungi melalui <http://www.education.com> atau melayar laman web Jabatan Hidup Liar Sabah, di [www.sabah.gov.my/jhl/](http://www.sabah.gov.my/jhl/)

**f) Promosi Sticker**

Menerusi kempen kesedaran alam semulajadi, stiker ditampal di kenderaan. Pemberian percuma stiker ini secara tidak langsung memberi pendedahan awal para pelajar terhadap hutan hujan tanah pamah.

**g) Kerjasama Jabatan Pendidikan Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar**

Menerusi kerjasama ini, para pendidik digesa untuk memcerapkan pendidikan alam sekitar/semulajadi di dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah. Sebagai contoh pelajaran Bahasa Melayu, apabila berbincang tentang peribahasa, aktiviti yang boleh diadakan adalah untuk menyenaraikan peribahasa-peribahasa yang mempunyai unsur-unsur alam semulajadi. Contohnya "Bagai aur dengan tebing" dan menerangkan maksudnya.



## **AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR/SEMULAJADI DI SABAH.**

### **Agensi Kerajaan**

- 1) Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Jabatan ini menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan alam semulajadi secara sendiri dan juga secara kerjasama dengan agensi kerajaan atau bukan kerajaan lain. Aktiviti yang dijalankan adalah khusus pada mata pelajaran tertentu sambil merentasi kurikulum yang ada.
- 2) Jabatan Hidupan Liar Sabah  
Jabatan ini mempunyai kakitangan yang dihaskan untuk menjalankan aktiviti pendidikan alam semulajadi secara sendiri atau bersama dengan agensi lain contohnya Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan agensi bukan kerajaan seperti WWF. Lokasi bagi pelaksanaan program biasanya dijalankan dikawasan perlindungan dibawah jagaan Jabatan ini.
- 3) Jabatan Perikanan Negeri Sabah  
Aktiviti Pendidikan Alam Semulajadi atau Alam Sekitar merupakan sebuah aktiviti yang baru diperkembangkan di Jabatan ini. Kewujudannya adalah untuk memperkembangkan kegiatan Jabatan di dalam memelihara serta memulihara sungai-sungai serta laut dan lautan yang dibawah penguatkuasaan Jabatan ini.
- 4) Taman-Taman Sabah  
Agensi ini menjalankan aktiviti pendidikan alam semulajadi secara bersama dengan Jabatan lain dan juga sendiri apabila ada permintaan. Lokasi aktiviti biasanya dijalankan di kawasan Taman-taman Sabah contohnya dengan berteraskan aktiviti-aktiviti berdasarkan hutan pergunungan.
- 5) Jabatan Perhutanan Sabah  
Agensi kerajaan ini telah mewujudkan suatu unit khas untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan alam sekitar dan ianya



beribu pejabat di Sandakan. Teras aktiviti adalah pada hutan hujan tanah pambah dan juga kawasan hutan perlindungan.

- 6) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
Agensi kerajaan ini mempunyai cawangan Perhubungan Awam dimana penerangan serta informasi berkenaan alam sekitar diedarkan. Tapak utama untuk pelaksanaan program jika ada ditumpukan di sekitar kawasan Kota Kinabalu iaitu di Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS).
- 7) Jabatan Alam Sekitar Sabah  
Jabatan ini mempunyai perkaitan yang paling rapat dengan pendidikan alam sekitar. Program yang biasa dijalankan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah atau dengan agensi bukan kerajaan. Teras utama pendidikan alam bagi Jabatan ini merangkumi jenis-jenis pencemaran yang berlaku di alam sekitar. Jabatan ini mempunyai projek kem alam sekitar tahunan yang dikelolakan bersama dengan pihak Persatuan Pencinta Alam Malaysia di seluruh negara. Selain itu, projek Wira Alam kini giat dijalankan bersama dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak Persatuan Pencinta Alam Malaysia.
- 8) Jabatan Konservasi Alam Sekitar Sabah (ECD)  
Jabatan ini mempunyai unit pengembangan dan perhubungan luar dimana nilai-nilai pendidikan alam semulajadi diserapkan ke dalam maklumat-maklumat yang diberikan kepada orang awam. Fungsi-fungsi dan misi Jabatan ini diedarkan kepada orang umum agar ia lebih difahami.
- 9) Jabatan Pengairan dan Saliran  
Jabatan ini menjalankan aktiviti pengembangan dan perhubungan kepada orang awam berkenaan dengan tanggungjawab jabatan dan aktiviti Jabatan

## Agensi Bukan Kerajaan

- 1) Sabah Nature Club  
Agensi ini menjalankan aktiviti pendidikan alam semulajadinya di Pusat Luar Lembah Danum. Ia menjalankan kem pendidikan alam semulajadi bersama agensi lain contohnya SHELL ataupun Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Agensi ini mempunyai kakitangan yang dihaskan untuk menjalankan aktiviti ini.





- 2) World Wide Fund For Nature (WWF)  
 Agensi ini banyak menjalankan aktiviti pendidikan alam sekitar berdasarkan kawasan tanah lembab di Sabah dan lokasi utama bagi pelaksanaan aktiviti ini adalah di Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS). Agensi ini mempunyai sebuah pejabat kecil di KKCBS. Ia juga turut bergabung dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk menjalankan latihan para pendidik di dalam pendidikan alam semulajadi
- 3) Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Sabah Branch)  
 Pendidikan Alam Semulajadi yang dijalankan oleh agensi bukan kerajaan ini adalah di dalam mengadakan ceramah-ceramah, pameran-pameran dan lawatan-lawatan bagi ahli ke kawasan alam semulajadi. Pihak MNS juga bergabung dengan pihak Jabatan Alam Sekitar untuk melaksanakan program kem tahunan alam sekitar dan juga Projek Wira Alam di seluruh Malaysia.
- 4) Sabah Environmental Protection Agency  
 Agensi ini menjalankan aktiviti Pendidikan Alam Sekitar secara bersama dengan agensi kerajaan. Ahli-ahlinya merupakan penceramah-penceramah yang pakar di dalam bidang masing-masing dan turut menyumbang didalam aspek pendidikan alam sekitar. Buat masa ini teras utama agensi ini ditumpukan kepada ekosistem marin dimana ia berjuang untuk mengurangkan serta membasmi aktiviti penangkapan ikan secara haram (bom dan racun).
- 5) PACOS  
 Agensi ini merupakan sebuah agensi bukan kerajaan yang berteraskan pendidikan aktif penduduk tempatan dan orang asal di negeri Sabah dalam pemuliharaan alam semulajadi. Dari segi kepakaran ia mempunyai kakitangan yang bekebolehan membentangkan aspek-aspek kebudayaan dan hak hak istimewa rakyat tempatan.
- 6) Sabah Society  
 Agensi bukan kerajaan ini merupakan suatu kumpulan keahlian dimana sumbangan kepada alam semulajadi adalah lebih kepada ceramah-ceramah daripada saintis-saintis yang menjalankan kajian di Sabah.

Senarai nama serta alamat bagi kesemua agensi ada dilampirkan di muka surat Lampiran.

